

**MODULAR RESOURCES SDN BHD v TERRA-EDGE PROJECT  
MANAGEMENT (M) SDN BHD [2003] MLJU 128**

Malayan Law Journal Unreported · 4 pages

HIGH COURT (KUALA LUMPUR)

YAACOB ISMAIL J

GUAMAN NO D4-22-800-1998 (RAYUAN SIVIL NO. W-02-370-98)

24 March 2003

**Case Summary**

---

**Companies and Corporations — Winding up — Statutory demand — Application for declaration that statutory notice invalid — Defendant paid contractors on plaintiff's behalf — Whether petition for winding up should be made — Companies Act 1965, s 218**

K.S. Ong (K. S Ong & Co), Kumar (Krish Maniam & Co)

ALASAN PENGHAKIMAN

*PERMOHONAN*

Melalui Kand. 4 Plaintiff membuat permohonan untuk:

- 1 Satu Deklarasi bahawa Notis bertarikh 3.3.98 menurut s 218 Akta Syarikat 1965 yang dikeluarkan oleh Defendan terhadap Plaintiff adalah tidak sah;
- 2 Notis tersebut diketepikan;
- 3 Perintah bahawa Defendan ditahan dari memfailkan apa-apa petisyen bagi mengulungkan Plaintiff berdasarkan jumlah RM1,864,269.49 yang dituntut dalam Notis tersebut.

[\*2]

*Fakta Ringkas*

Pada 3.3.98 Defendan telah mengeluarkan Notis terhadap Plaintiff menurut s 218 Akta Syarikat 1965 menuntut pembayaran jumlah RM1,864,269.49 (Notis Tuntutan). Plaintiff menafikan berhutang kepada Defendan seperti yang didakwa dalam Notis tuntutan. Melalui satu joint venture agreement (JVA) bertarikh 25.6.97 yang dibuat di antara Plaintiff, Mampu Jaya Sdn Bhd dan Abdul Halim bin Haji Dahlan adalah dipersetujui pihak-pihak kepada JVA akan menubuhkan sebuah syarikat bernama Modular MJ Sdn Bhd untuk dilantik oleh Plaintiff sebagai kontraktor utama bagi melaksanakan kerja-kerja "Cadangan Pembangunan Perumahan secara usahasama di antara Dewan Bandaraya K.L. dengan Modular Resources Sdn Bhd." (Projek Gurney Heights)

Modular MJ Sdn Bhd akan seterusnya melantik Mampu Jaya Sdn Bhd sebagai kontraktor pengurus bagi projek Gurney Heights tersebut. Plaintiff telah melalui surat bertarikh 1.4.97 melantik Modular MJ Sdn Bhd sebagai kontraktor utama dan Modular MJ seterusnya telah melantik Mampu Jaya selaku kontraktor pengurus bagi projek Gurney Heights Phase 2A. Mampu Jaya kemudian menghendaki Plaintiff melantik Defendan sebagai Project Consultant bagi projek tersebut. Plaintiff telah melalui surat bertarikh 1.4.97 melantik Defendan selaku Project Consultant. [\*3]

Setelah surat perlantikan bertarikh 1.4.97 dikeluarkan kepada Defendan, Plaintiff telah diberitahu secara lisan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 23.4.97 bahawa perlantikan Defendan tidak diluluskan oleh DBKL. Plaintiff telah memberitahu ejen pihak Defendan En. Choy Tai Seng tentang kedudukan DBKL dan menurut Plaintiff Defendan secara lisan bersetuju melepaskan perlantikan Defendan.

Plaintiff menafikan berhutang kepada Defendan untuk apa-apa fee yang dinyatakan di dalam surat perlantikan bertarikh 1.4.97 memandangkan perkara-perkara yang tersebut di atas. Plaintiff akan membuat bayaran fee terus kepada konsultan-konsultan yang sedia ada bagi projek Gurney Heights. Plaintiff menyatakan jumlah RM1,864,269.49 yang dituntut oleh Defendan adalah jumlah yang tidak dihutang dan dipertikaikan secara bona fide oleh Plaintiff. Defendan tidak berhak mengeluarkan Notis tuntutan tersebut.

### *KEPUTUSAN*

Permohonan Plaintiff telah ditolak dengan kos.

### *ALASAN-ALASAN*

Pihak Defendan telah memfailkan affidavit jawapan yang diikrarkan oleh Choy Tuck Yee pada 9.8.97 (Kand. 6). Pada 28.8.97 Plaintiff telah menghantar surat kepada Defendan memberitahu bahawa [\*4]

Plaintif telah melepaskan Perunding AJZ sebagai consultants bagi projek Gurney Heights 2 dan meminta Defendan menamakan penggantinya (lihat Exh. 'CTY-3' Di Kand. 6). Seterusnya atas arahan Plaintiff Defendan telah melantik Perunding Ilham Cipta sebagai Mechanical and Electrical consultant (surat Exh. 'CTY-4' di Kand. 6). Defendan juga telah membuat pembayaran kepada beberapa consultant bagi pihak Plaintiff (lihat Exh 'CTY-5','CTY-6', CTY-7' dan 'CTY-8' di Kand. 6). Memandangkan fakta-fakta di atas Mahkamah mendapati lantikan Defendan oleh Plaintiff adalah sah. Adalah menjadi tugas Plaintiff untuk mendapatkan persetujuan DBKL tentang lantikan Defendan. Oleh sebab Defendan telah menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Plaintiff, maka menjadi tanggungjawab Plaintiff untuk membuat pembayaran kepada Defendan.

Dalam kes *Tan Choon Keng Realty (Pte) Ltd v Tan Wee Cheng* (1992) 2 SLR 1114, Spore at p 1127 para B - C Chan Sek Keong J quoted the decision of the Court of Appeal in Bryanston Finance case which stated:

"(3) that the question of granting an interlocutory injunction could not be determined on the balance of convenience and that it was for BF to prove a prima facie case that a proposed petition would fail and be an abuse of the process of court; that since the judge had found that some of the allegations in DV's affidavits, if substantiated, could lead to a winding-up order, and BF conceded for the purposes of the motion [\*5]

that DV might establish that a petition presented on some of those grounds would not be an abuse of process, BF had failed to show that there was an abuse of process of the court."

Plaintif hendaklah menunjukkan justifikasi mengapa ia menghalang Defendan daripada memfailkan petisyen penggulangan terhadap Plaintiff. Plaintiff juga mesti menunjukkan petisyen yang hendak difailkan oleh Defendan tentunya tidak akan berjaya. Selain itu jika petisyen difailkan oleh Defendan, Plaintiff mempunyai hak untuk menentang petisyen tersebut. Oleh sebab Defendan telah membuat beberapa pembayaran kepada kontraktor bagi pihak Plaintiff Defendan telahpun mengalami kerugian wang. Plaintiff sepatutnya membayar balik kepada Defendan segala pembayaran yang telah dibuat oleh Defendan.

Atas alasan-alasan di atas Mahkamah mendapati tiada merit dalam permohonan Plaintiff. Permohonan telah ditolak dengan kos.